

KESAN LATIHAN MENGAJAR KEPADA PERKEMBANGAN
KOGNITIF PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL KUITTHO

IDA MARIA BINTI MOHD YUSOFF



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00071016 4



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS♦

JUDUL KESAN LATIHAN MENGAJAR KEPADA PERKEMBANGAN KOGNITIF
PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL KUITTHO

SESI PENGAJIAN : 2003/2004

Saya IDA MARIA BINTI MOHD. YUSOFF
(HURUF BESAR)

mengakui membenarkan tesis (PSM / Sarjana / ~~Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran di antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
476, JLN S2 E15, GARDEN HOMES,
SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN, N.S.

DR. WAN MOHD. RASHID WAN AHMAD
Nama Penyelia

Tarikh: 10.10.2003

Tarikh: 10.10.2003

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyertakan skali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.



Tandatangan :

Nama Penyelia : Dr. Wan Mohd. Rashid bin Wan Ahmad

Tarikh :

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Rashid', is written over the signature line. The signature is fluid and cursive.

10.10.2003

PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

KESAN LATIHAN MENGAJAR KEPADA PERKEMBANGAN KOGNITIF
PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL KUITTHO

IDA MARIA BINTI MOHD. YUSOFF

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional




PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.



Tandatangan : 

Nama Penulis : Ida Maria binti Mohd. Yusoff

Tarikh : 10.10.2003

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKUNGU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat juga saya menyempurnakan hasil kerja saya ini mengikut perancangan. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar, Nabi Muhammad s.a.w. serta keluarga dan sahabat baginda.

Ucapan terima kasih tidak terhingga dikalungkan khas buat Dr. Wan Mohd. Rashid bin Wan Ahmad, penyelia Projek Sarjana kerana banyak membimbing saya bagi menyiapkan projek ini. Tunjuk ajar dan nasihat beliau amat berguna bagi saya.

Jutaan terima kasih juga tidak dilupakan buat abah dan mak yang disanjung, di atas segala pengorbanan yang telah kalian lakukan. Buat abang serta adik-adik yang tersayang, terima kasih kerana banyak memberikan sokongan dan dorongan untuk menyiapkan tesis ini. Untuk teman-teman serumah, Kak Mas, Nurul, Ai, Kecik dan Iza, terima kasih kerana tanpa kalian, tesis ini mungkin masih lagi di dalam proses penyiapannya.

Tidak lupa juga buat teman seperjuangan. Kesanggupan untuk menebalkan telinga dikala rungutan demi rungutan diterima, tidak dapat dibalas sehingga ke akhir hayat.

Terima kasih daun keladi...

Wassalam...

ABSTRAK

Latihan mengajar merupakan titik permulaan bagi guru mempraktikkan ilmu perguruan yang telah dipelajari kepada situasi pengajaran sebenar. Maka timbul persoalan sama ada latihan mengajar memberi kesan kepada perkembangan kognitif para pelajar. Bersesuaian dengan persoalan tersebut, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau perkembangan kognitif pelajar dari aspek membuat keputusan dan penyelesaian masalah. Kajian yang telah dijalankan adalah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Enam puluh (60) responden yang dipilih terdiri daripada pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO yang telah mengikuti latihan mengajar. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian *SPSS version 10.0*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa latihan mengajar memberikan kesan positif kepada perkembangan kognitif pelajar di mana keupayaan pelajar membuat keputusan dan menyelesaikan masalah berada di tahap yang tinggi. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa perkembangan kognitif pelajar dari aspek membuat keputusan dan penyelesaian masalah setelah menjalani latihan mengajar adalah lebih baik berbanding sebelumnya.



PERPUSTAKAAN TINGKATAN AMINAH

ABSTRACT

Practical teaching is a beginning to simulate teachers' knowledge that has been acquired to the real teaching simulation program. The question is whether practical teaching is relevant to the development of student's cognitive. The purpose of this research is to study student cognitive knowledge in form of decision making and problem solving. The research that has been accomplished through a quantitative method using questionnaire as the instrument. Sixty masters student in the Technical and Vocational Education program was selected as respondents in the survey. Data was analyzed using *SPSS version 10.0*. Survey results had indicated that teaching simulation had given positive effect in the development of student cognitive thinking. Result also showed that decision making and problem solving of respondents was at high level. In conclusion it can be stated that teaching simulation has increased students' capability in decision making and problem solving effectively.



PT TAJEM
PUSAT PENELITIAN DAN PENGABDIAN MASYARAKAT
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KANDUNGAN

BAB PERKARA

MUKA SURAT

PENGESAHAN STATUS PROJEK

PENGESAHAN PENYELIA

HALAMAN JUDUL

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN

SENARAI LAMPIRAN

i

ii

iii

iv

v

vi

x

xi

xii

xiii

I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

1

1.2 Latar Belakang Masalah

3

1.3 Pernyataan Masalah

4

1.4 Tujuan Kajian

5

1.5 Objektif Kajian

5

1.6 Soalan Kajian

6

1.7 Skop Kajian

6

1.8 Limitasi Kajian

7

1.9 Kerangka Teori

7

1.10	Kepentingan Kajian	9
1.11	Definisi Istilah	9
1.12	Ringkasan	10

II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	11
2.2	Latihan Mengajar	12
2.2.1	Objektif Latihan Mengajar	15
2.2.2	Konsep Latihan Mengajar	16
2.3	Teori Perkembangan Kognitif	18
2.3.2	Proses Kognitif dan Metakognitif	20
2.4	Membuat Keputusan	21
2.4.1	Proses Membuat Keputusan	23
2.5	Penyelesaian Masalah	25
2.5.1	Proses Penyelesaian Masalah	25
2.5.2	Menyelesaikan Masalah Secara Kreatif	28
2.6	Pendidikan Teknik dan Vokasional	30
2.6.1	Latarbelakang Pendidikan Teknik dan Vokasional	30
2.7	Rumusan	32

III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	35
3.4	Instrumen Kajian	36
3.4.1	Soal Selidik	36
3.5	Kajian Rintis	38
3.6	Pengumpulan Data	39
3.7	Penganalisaan Data	40
3.8	Batasan Kajian	41
3.9	Andaian Kajian	41
3.10	Ringkasan	42



IV	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	43
4.2	Prosedur Menganalisis Data	44
4.3	Dapatan Kajian	44
4.3.1	Perkembangan Kognitif Pelajar Setelah Menjalani Latihan Mengajar Dari Aspek Membuat Keputusan	45
4.3.2	Perkembangan Kognitif Pelajar Setelah Menjalani Latihan Mengajar Dari Aspek Penyelesaian Masalah	48
4.3.3	Kesan Latihan Mengajar Terhadap Perkembangan Kognitif Pelajar	50
V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	52
5.2	Perbincangan dan Kesimpulan	53
5.2.1	Perkembangan Kognitif Pelajar Yang Telah Mengikuti Latihan Mengajar Dari Aspek Membuat Keputusan	53
5.2.2	Perkembangan Kognitif Pelajar Yang Telah Mengikuti Latihan Mengajar Dari Aspek Menyelesaikan Masalah	55
5.2.3	Kesan Latihan Mengajar Kepada Perkembangan Kognitif Pelajar Sarjana	56
5.3	Cadangan	57
5.4	Penutup	59
	BIBLIOGRAFI	60
	LAMPIRAN A-D	65



PTTA UTHM
PERPUS TARKAN TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Aspek Kognitif	19
3.1	Format Skala Likert	37
4.1	Spesifikasi Julat Bagi Tahap Perkembangan Kognitif	45
4.2	Skor Min, Sishan Piawai dan Perkembangan Kognitif Dari Aspek Membuat Keputusan	47
4.3	Skor Min, Sishan Piawai dan Perkembangan Kognitif Dari Aspek Penyelesaian Masalah	49
4.4	Kesan Latihan Mengajar Terhadap Perkembangan Kognitif Pelajar	50



PTTHIM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	8
2.1	Operasi Pemikiran Fungsional	21
2.2	Langkah-langkah Membuat Keputusan	24
2.3	Langkah-langkah Penyelesaian Masalah	26



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
SPSS	-	<i>Statistical Packages for The Social Science</i>
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
USM	-	Universiti Sains Malaysia
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	65
B	Kebolehpercayaan Kajian Rintis	72
C	Analisis Data Bagi Setiap Item Soal Selidik	74
D	Analisis Data Bagi Keseluruhan Item	76




PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Latihan mengajar merupakan satu komponen penting di dalam program pendidikan guru di kebanyakan institusi latihan guru di Malaysia dan di luar negara. Ini kerana di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru perlu berpengetahuan dan berupaya menyampaikan pengetahuannya kepada murid dengan kaedah yang betul. Latihan mengajar merupakan suatu waktu peralihan dimana seorang penuntut ilmu pendidikan di institusi latihan guru yang berkaitan akan keluar kampus untuk cuba membiasakan dirinya mengajar di kelas tertentu di sekolah dengan bantuan serta bimbingan dari seorang penyelia dari maktab atau universiti (Zulkifli, 1994). Menurut beliau lagi, pada masa itulah penuntut tersebut menguji segala teori dan menggunakan ilmu yang telah dipelajarinya. Bagi seorang guru pelatih, latihan mengajar adalah satu transisi dari seorang pelajar kepada guru pelatih. Dalam tempoh ini, guru pelatih menghadapi 'kejutan realiti' (Veenman, 1984). Pengalaman daripada latihan mengajar ini akan menyebabkan perubahan besar ke atas diri guru pelatih serta mempengaruhi sikap mereka terhadap pengajaran (Hussein, 1992).

Dalam menjalani latihan mengajar, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah perlu dikuasai oleh seseorang guru atau pensyarah pelatih. Ini adalah untuk meningkatkan kualiti sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Falsafah Pendidikan Negara ada menyatakan bahawa kepentingan pendidikan di Malaysia adalah untuk membangunkan aspek-aspek intelektual dengan meningkatkan daya berfikir selain daripada aspek-aspek moral, kerohanian, sosial dan juga emosi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Selain itu, salah satu unsur penting dalam agenda reformasi pendidikan negara adalah untuk melahirkan masyarakat yang berfikir. Maka, kemahiran berfikir yang mendorong kepada reformasi literasi ilmu perlu dilakukan bagi menyediakan masyarakat yang berdaya maju untuk menghadapi perubahan dalam abad ke-21 (Abd. Rahim, 1999).

Kemahiran berfikir diajar merentasi kurikulum dengan harapan untuk meningkatkan kualiti pemikiran pelajar, membuat keputusan dengan tepat, menghasilkan idea yang bermas, pendapat yang jitu dan pandangan yang kritis dan kreatif, dapat membezakan antara baik dan buruk serta bersedia untuk menghadapi cabaran terkini (Tengku Zawawi, 2000). Pemikiran kritis di dalam penyelesaian masalah amat penting untuk membentuk guru yang tahu dan mampu menggunakan pemikiran mereka dalam menghadapi cabaran, tekanan dan perubahan. Bidang-bidang pelajaran yang ditawarkan di dalam kursus pendidikan seperti bidang psikologi dan sosiologi pendidikan, dikatakan dapat membantu pengajar dalam meningkatkan tahap pemahaman pelajar dengan kemampuan dan keupayaan kognitif yang ada pada pelajar. Menurut Sharifah Alawiyah (1992), kebolehan atau kemahiran berfikir secara kreatif sangat penting untuk perkembangan intelek yang sempurna, kejayaan di dalam bidang pekerjaan dan keupayaan memberikan sumbangan kepada masyarakat.



PTA UTHM
PERKULIAHAN FUNKSION AMINAH

1.2 Latar Belakang Masalah

Hampir setiap tahun isu kebolehan pensyarah dan guru di institusi pendidikan dibangkitkan. Rungutan timbul daripada pelbagai pihak bahawa terdapat pensyarah atau guru yang mengajar secara sambil lewa, membosankan serta tidak menarik, menyebabkan para pelajar tidak berminat untuk datang ke kelas. Selain itu, isu kelesuan berfikir di kalangan berpendidikan tinggi menimbulkan satu polemik yang mempunyai kaitannya dengan mutu pendidikan (Abd. Rahim, 1999). Pendidik yang melaksanakan sesuatu kurikulum perlu arif tentang keperluan mengaplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran. Penekanan juga perlu dilakukan dari segi pedagogi mengajar dan belajar dalam usaha mengembangkan kognitif setiap individu.

Pendidikan sepatutnya mampu mencorakkan golongan yang boleh berfikir dengan baik (Abd. Rahim, 1999). Dalam hal ini, para pendidik perlu melengkapkan diri mereka dengan pelbagai teknik pengajaran dan kemahiran. Dalam mempersembahkan pengajaran, pensyarah dan guru perlu mengolah isi pelajaran, berhujah, memberi penerangan yang jelas dan contoh yang sesuai dalam kegiatan pembelajaran. Untuk tujuan tersebut, pemikiran yang kreatif perlu diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Proses pengajaran sememangnya memerlukan kreativiti seseorang pensyarah atau guru dalam mempersembahkan diri ketika mengajar bagi tujuan mengekalkan daya tumpuan pelajar terhadap pelajaran, di samping menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (Omarin, 1999)

Latihan mengajar merupakan pendedahan awal pensyarah pelatih dan guru pelatih kepada situasi pengajaran di institusi pengajian masing-masing. Dalam jangka masa yang diperuntukkan, pensyarah pelatih dan guru pelatih akan cuba mengaplikasikan segala kaedah yang telah mereka pelajari. Kepada sesetengah pensyarah pelatih dan guru pelatih, tugas untuk melaksanakan teori, amalan dan kaedah pengajaran bukanlah merupakan sesuatu yang mudah malahan merupakan

perkara yang rumit untuk dilaksanakan. Selain daripada itu, latar belakang mereka yang menjalani latihan mengajar pula adalah berbeza. Kebanyakan mereka tidak mempunyai pengalaman dalam menjalankan pengajaran. Sungguh pun begitu, ada juga yang pernah menjadi guru sementara, berkhidmat dengan kerajaan atau swasta. Berdasarkan latarbelakang yang berbeza ini, kemungkinan pengalaman serta masalah yang mereka hadapi juga adalah berbeza-beza (Hassan, 1997).

1.3 Pernyataan Masalah

Latihan mengajar dikatakan sebagai komponen yang paling berguna untuk program pendidikan guru dan juga dikatakan sebagai saat-saat yang paling tertekan di dalam kehidupan guru pelatih (Edward, 1993; MacDonald, 1993). Sebagai salah sebuah institusi pendidikan di Malaysia yang menawarkan kursus pendidikan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn juga telah mewajibkan pelajarannya yang mengikuti kursus perguruan supaya menjalani latihan mengajar.

Beberapa kajian yang telah dibuat kebanyakannya memberi tumpuan kepada pentadbiran dan perlakuan guru untuk melihat keberkesanan sesuatu pengajaran di sekolah. Walau bagaimanapun, perlu juga diketahui tentang perkembangan pemikiran seseorang guru kesan daripada latihan mengajar (Zainun, 1994). Terdapat ramai pelatih yang telah mengikuti latihan mengajar masih kurang bersedia untuk keluar mengajar dan mengendalikan proses pembelajaran dan pengajaran. Latihan mengajar ini memberi kesan kepada perkembangan kognitif pelatih, secara tidak langsung juga memberi kesan kepada para pelajar yang akan diajar.

Zakaria dan Idris (1994) menyatakan dalam kajiannya bahawa terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelatih semasa menjalani latihan mengajar seperti masalah penempatan, pengajaran, bimbingan dan kewangan. Dalam

menghadapi segala permasalahan tersebut, pelatih perlu mempunyai kemahiran membuat keputusan dan penyelesaian masalah untuk memantapkan lagi pengetahuan mereka. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dijalankan untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan permasalahan ini.

Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji sama ada latihan mengajar memberi kesan kepada perkembangan kognitif pelajar-pelajar sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) yang telah menjalani latihan mengajar.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap keberkesanan latihan mengajar terhadap perkembangan kognitif pelajar-pelajar sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO.

1.5 Objektif Kajian

Untuk mencapai tujuan kajian ini, beberapa objektif telah ditentukan. Objektif-objektif tersebut adalah:-

- i) Menenalpasti tahap perkembangan kognitif pelajar dalam membuat keputusan setelah menjalani latihan mengajar.

- ii) Mengetahui tahap perkembangan kognitif pelajar dalam menyelesaikan masalah setelah menjalani latihan mengajar.
- iii) Mengetahui sama ada latihan mengajar memberi kesan kepada perkembangan kognitif pelajar.

1.6 Soalan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa soalan kajian yang ingin dijawab. Soalan-soalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i) Sejauhmanakah perkembangan kognitif pelajar sarjana PTV yang telah menjalani latihan mengajar dalam aspek membuat keputusan?
- ii) Sejauhmanakah perkembangan kognitif pelajar sarjana PTV yang telah menjalani latihan mengajar dalam aspek penyelesaian masalah?
- iii) Sejauhmanakah latihan mengajar memberi kesan kepada perkembangan kognitif pelajar sarjana PTV?

1.7 Skop Kajian

Proses kognitif melibatkan beberapa proses yang berkait rapat dengan aktiviti berfikir. Biasanya proses pemikiran berlaku apabila ingin mencapai tujuan sama ada membuat keputusan ataupun menyelesaikan masalah. Oleh itu, kajian ini hanya

mengkaji dua aspek daripada beberapa aspek yang terdapat dalam perkembangan kognitif. Dua aspek yang diambil kira dalam kajian ini ialah aspek membuat keputusan dan aspek penyelesaian masalah.

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITHO) sahaja. Pelajar-pelajar terdiri daripada pelajar semester akhir pengajian yang telah menjalani latihan mengajar. Maka sebarang keputusan dan rumusan kajian ini hanyalah meliputi program latihan mengajar di KUITHO sahaja.


1.9 Kerangka Teori

Kerangka teori yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 terdiri daripada indikator pertama iaitu latihan mengajar yang merujuk kepada program latihan mengajar yang telah dijalani oleh para pelajar. Di bawah indikator pertama tersebut terdapat satu lagi indikator yang penting iaitu perkembangan kognitif pelajar yang merangkumi aspek membuat keputusan dan penyelesaian masalah. Kriteria-kriteria bagi aspek membuat keputusan diadaptasi daripada Cassidy dan Kurliman (1977) manakala aspek penyelesaian masalah diadaptasi daripada Newell dan Simon (1972).

Pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan secara tinjauan dan maklumat-maklumat dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik. Setelah memperolehi data-data, pengkaji melakukan analisis statistik untuk menilai keberkesanan latihan

mengajar terhadap kemahiran berfikir para pelajar. Analisis dilakukan setelah data-data yang diperlukan dikumpul dan dipersembahkan dalam bentuk jadual kesesuaian.

Kajian ini berakhir di bahagian kesimpulan setelah dapatan kajian diperolehi. Pengkaji akan menggunakan maklumat yang ada untuk menjawab semua soalan kajian yang diutarakan dalam bahagian persoalan kajian.



Rajah 1.1: Kerangka Teori

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk mengetahui perkembangan kognitif pelajar yang telah mengikuti latihan mengajar. Hasil daripada kajian ini diharap dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak KUiTTHO, terutamanya kepada Jawatankuasa Latihan Mengajar berkenaan dengan program latihan mengajar yang dijalankan. Selain itu kajian ini diharapkan dapat membantu bakal pensyarah atau guru pelatih yang bakal menjalani latihan mengajar pada masa akan datang dalam membuat persediaan sebelum mengikuti latihan mengajar.

1.11 Definisi Istilah

Di dalam penyelidikan ini, beberapa istilah yang dianggap penting, diutarakan seperti berikut:

i) Latihan Mengajar

Latihan mengajar merupakan latihan amali di politeknik-politeknik yang dipilih oleh pelajar-pelajar yang mengikuti kursus perguruan bagi mengamalkan dan mempraktikkan segala teori dan kaedah yang telah dipelajari di politeknik-politeknik .

ii) Perkembangan Kognitif

Perubahan pada struktur pemikiran atau aktiviti mental pelajar-pelajar setelah menjalani latihan mengajar. Perkembangan kognitif dalam



kajian ini hanya mengambil kira aspek membuat keputusan dan penyelesaian masalah.

iii) Membuat Keputusan

Proses pemikiran untuk memilih satu pilihan yang terbaik daripada pelbagai pilihan. Antara perkara yang diambil kira dalam proses membuat keputusan adalah berkaitan pengajaran dan pembelajaran, persekitaran tempat latihan mengajar serta pergaulan.

iv) Penyelesaian Masalah

Proses pemikiran untuk memilih penyelesaian yang terbaik dalam menghadapi masalah. Antara perkara dalam penyelesaian masalah yang diambil kira adalah berkaitan pengajaran dan pembelajaran, persekitaran tempat latihan mengajar dan pergaulan.


1.12 Ringkasan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan berkaitan pengenalan kepada kajian yang dijalankan seperti pernyataan masalah, soalan kajian dan tujuan kajian dijalankan. Gambaran awal mengenai kajian yang telah diperihalkan dalam bab ini akan dijelaskan dalam bab yang seterusnya.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan



Sistem pendidikan di Malaysia yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara, bertujuan memperkembangkan potensi individu secara bersepadu bagi mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Matlamat Falsafah Pendidikan Negara adalah bertujuan melahirkan masyarakat Malaysia yang berakhlak mulia, bertanggungjawab serta berkeupayaan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Abu Hassan, 1992).

Untuk mencapai matlamat ini, beberapa perubahan yang berlaku di negara ini dan juga di dunia perlu diharungi. Masyarakat dunia pada kurun ke 21 sudah mula memperkatakan pendidikan komputer. Pembangunan sesebuah negara diukur dengan kualiti guna tenaganya (Abu Hassan, 1992). Ini bermakna sistem pendidikan sesebuah negara perlu berupaya meningkatkan kualiti, menambahkan kuantiti dan memenuhi keperluan guna tenaga kerja di pasaran semasa dan akan datang (Arby, 1996). Untuk memenuhi keperluan semasa, pengurus pendidikan perlu menyesuaikan diri dengan sistem pengurusan dan penggunaan teknologi yang

terkini. Penekanan juga harus diberikan ke atas usaha mewujudkan guru yang berkualiti dan berdaya maju seperti yang dinyatakan oleh Smyth (1987:22:

*We cannot improve the quality of education in our schools
without improving the quality of teachers in them*

Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan pendidik dalam meningkatkan kualiti dan prestasi sesebuah institusi pendidikan. Lantaran itu, sebagai pendidik, guru atau pensyarah perlu berkeupayaan dalam usaha menghasilkan pelajar yang berkemampuan dan berkualiti.

2.2 Latihan mengajar

Latihan mengajar merupakan satu aspek latihan perguruan yang penting di dalam kursus perguruan. Dalam program ini, guru atau pensyarah pelatih ditempatkan di sekolah atau institusi pengajian untuk menjalankan pengajaran yang sebenarnya. Dalam bilik darjah, guru-guru pelatih berpeluang memupuk kecekapan mengajar, mempraktikkan teori pengajaran dan pembelajaran secara amali. Program ini mengayakan pengalaman dan pengetahuan pengajaran seseorang guru atau pensyarah pelatih. Ini akan membantu para pelatih untuk menjadi guru yang cekap, berkesan dan berkualiti (Tang, 1988).

Di kebanyakan kolej di Amerika Syarikat, latihan mengajar dikenali dengan nama '*Student Teaching*'. Di Kanada pula, ia dikenali dengan panggilan '*Practice Teaching*' dan di United Kingdom ia dikenali sebagai '*Teaching Practice*'. Ada juga institusi yang menamakannya sebagai '*Teaching Practicum*'. Walau apa pun nama yang diberikan, ia membawa erti yang sama iaitu satu waktu peralihan di mana

seorang penuntut ilmu pendidikan di institusi penyediaan guru yang berkaitan akan keluar kampus untuk mencuba membiasakan diri mengajar di kelas tertentu di sekolah dengan bantuan serta bimbingan dan pengawasan dari seorang penyelia dari maktab perguruan atau universiti (Zulkifli, 1994).

Di Malaysia, latihan mengajar merupakan satu komponen program latihan guru di maktab perguruan dan juga di fakulti pendidikan yang terlibat dengan latihan keguruan, dan pada waktu-waktu tertentu di penghujung tempoh program pendidikan, pensyarah-pensyarah dari fakulti pendidikan universiti-universiti yang terlibat dengan penyediaan guru dan juga dari maktab perguruan akan keluar kampus untuk membuat lawatan penyediaan guru pelatih di sekolah-sekolah yang sedia memberi kerjasama untuk menerima kumpulan guru-guru pelatih tersebut (Zulkifli, 1994).

Latihan mengajar dikatakan sebagai komponen yang paling berguna untuk program pendidikan guru dan boleh juga dikatakan sebagai saat-saat yang paling tertekan di dalam kehidupan guru pelatih (Edward, 1995; Sumsion & Thomas, 1995). Kajian menunjukkan bahawa situasi tekanan yang dihadapi ketika latihan mengajar berkait dengan permintaan tinggi terhadap masa dan tenaga guru pelatih, menyiapkan tugas bertulis, cuba untuk memahami kehendak institusi dan peribadi, mewujudkan hubungan positif di antara guru-guru serta penilai, dan mengendalikan kelakuan murid yang sukar di dalam kelas (Edward, 1993; MacDonald, 1993; MacIntyre & Tuson, 1995; Sumsion & Thomas, 1995).

Zainun (1994) pula di dalam kajiannya menyatakan bahawa guru-guru pelatih kebanyakannya memikirkan mengenai perasaan dan persiapan mereka untuk mendapatkan markah yang baik; memikirkan mengenai penyelia yang ditugaskan untuk menyelia; serta memikirkan untuk mengikuti segala kemahuan penyelia supaya mendapat gred yang baik. Zainun menyatakan bahawa perasaan yang diluahkan oleh guru pelatih di dalam kajian tersebut menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai keyakinan diri. Perasaan sedemikian berlaku adalah kerana

kemungkinan mereka tidak ada langsung pengalaman mengajar sebelum ini. Menurutny lagi, perasaan tersebut sepatutnya tidak ada di kalangan guru pelatih kerana seseorang bakal guru perlu berwibawa dan berkeyakinan. Seorang guru perlu mempunyai keupayaan untuk bertindak, menganalisis secara kritikal, menilai perlakuan muridnya dan juga berupaya menilai alatan mengajar (Ryan & Kuhs, 1993).

Dalam persediaan sebelum menjalani latihan mengajar, guru dan pensyarah pelatih telah didedahkan atau diberi input berkaitan dengan teknik pengajaran dan pembelajaran. Masalah yang selalu timbul mengenai di kursus di pusat pengajian adalah ianya tidak berkaitan dengan situasi pengajaran di dalam bilik darjah dan kelas, sementara kursus perkaedahan pula tidak mendedahkan kepada asas-asas keteorian yang kukuh dan mencukupi.

Dengan itu, kejayaan dalam pengajaran bukan sahaja bergantung kepada pengetahuan pendidik atau pengalaman mengenai pengurusan bilik darjah, tetapi juga berasaskan kefahaman yang mendalam tentang cara manusia berfikir dan belajar, disamping penguasaan teori-teori pengajaran yang berorientasikan amalan pedagogi. Oleh yang demikian, isi kandungan kursus, teori dan yang dimuatkan dalam kurikulum pendidikan guru hendaklah menekankan kepentingannya dalam bilik darjah (Hassan, 1997). Kajian yang dilakukan keatas guru pelatih diploma pendidikan menunjukkan bahawa tahap kesediaan mental guru pelatih adalah di tahap yang tinggi untuk menjalani latihan mengajar. Walau bagaimanapun di kalangan guru pelatih yang dikaji ini juga menunjukkan kesediaan pedagogi yang kurang memuaskan (Abu Hassan, 1994).

Sebelum menjalani latihan mengajar, ramai guru pelatih merasakan bahawa ianya merupakan pengalaman pertama mereka melangkah ke dalam bilik darjah sebagai seorang guru. Guru-guru pelatih yang menjalani latihan mengajar telah menunjukkan keadaan yang tidak sebenar (*realistic*), tidak menunjukkan pengalaman dalam kemahiran asas pengajaran, organisasi kelas dan rancangan jangka panjang

(Winstanley, 1992). Keadaan demikian boleh membangkitkan gangguan terhadap pemikiran dan perasaan. Zakaria dan Idris (1994) menyatakan bahawa penempatan guru-guru pelatih ke sekolah-sekolah untuk latihan mengajar adalah baru dan asing. Situasi demikian telah menimbulkan pelbagai masalah. Gejala-gejala positif atau negatif yang terdapat di sekolah memberi pengaruh besar terhadap motivasi serta perlakuan guru-guru pelatih. Jika suasana persekitaran sekolah serta pengurusan sekolah tidak teratur dan tidak sempurna, guru-guru pelatih akan menghadapi kerumitan menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada pemikiran dan pengajaran guru-guru pelatih. Selain itu menurut Zulkifli (1994), keadaan persekitaran dan iklim sekolah adalah sungguh memeranjatkan dan di luar dugaan guru pelatih. Terdapat sekolah-sekolah mengambil sikap sambil lewa tentang kehadiran guru pelatih. Keadaan demikian menyebabkan guru pelatih keluh kesah dan risau sama ada mereka boleh menghadapi atau boleh melakukan pengajaran sebaik mungkin di hadapan kelas selama tempoh latihan mengajar.

Berdasarkan kepada beberapa kajian yang telah ditinjau, didapati bahawa guru-guru dan pensyarah-pensyarah pelatih dilanda pelbagai masalah dan kerisauan sebelum menjalani dan semasa menjalani latihan mengajar. Pengalaman dalam menyelesaikan dan mengatasi segala permasalahan ketika latihan mengajar akan memberi kesan kepada pemikiran pelajar dan seterusnya membolehkan mereka menghadapi apa jua masalah dengan yakin berdasarkan pengalaman yang telah mereka perolehi semasa menjalani latihan mengajar.

2.2.1 Objektif Latihan Mengajar

Program latihan mengajar bertujuan memberi peluang kepada guru-guru pelatih mempraktik dan menyesuaikan teori-teori pembelajaran di dalam situasi bilik darjah yang sebenar. Di dalam bilik darjah, guru atau pensyarah pelatih dapat

mengamalkan teori-teori pengajaran serta memperluas dan memperdalamkan pengetahuan mereka. Mereka juga berpeluang mengenali masalah-masalah disiplin dan dapat mempelajari cara untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Program latihan mengajar juga bertujuan untuk membina keyakinan diri guru-guru atau pensyarah-pensyarah pelatih di samping memberi peluang untuk membina daya pemerhatian, daya suai dan kepekaan (sensitiviti dalam situasi sekolah). Guru atau pensyarah pelatih juga berpeluang menilai diri sendiri dalam semua aspek tugas sebagai guru serta memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada. Ini secara tidak langsung akan memberi pengalaman kepada mereka dalam bidang pengurusan bilik darjah dan sekolah (Tang, 1988).

Bagi Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, latihan mengajar yang diikuti oleh pelajar program pendidikan adalah bermatlamat untuk membina sahsiah yang positif dan membentuk daya ketahanan diri serta menghayati nilai-nilai murni ikhtisas pendidikan. Program ini memberi pengalaman mengajar kepada bakal pendidik. Selain itu, latihan mengajar dijalankan bertujuan memberi pengalaman gerak kerja ko-kurikulum dan lain-lain tanggungjawab dalam ikhtisas pendidikan kepada bakal pendidik. Program ini juga bertujuan untuk menilai pelatih sebagai pendidik seperti yang dikehendaki oleh Kod Etika Perguruan.

2.2.2 Konsep Latihan Mengajar

Latihan mengajar ialah nadi kepada kursus perguruan dan merupakan ciri utama peningkatan status seorang pendidik. Seringkali latihan mengajar diintegrasikan sekaligus dengan kursus teori sebelum seseorang pelatih dianugerahkan dengan sijil, diploma atau ijazah profesion perguruan. Latihan mengajar seperti suatu bentuk penilaian bagi penganjur kursus kerana sifatnya yang

tertumpu kepada pengaplikasian secara total segala teori dan kemahiran sama ada aspek-aspek psikologi, sosiologi, kurikulum, pentadbiran, penilaian dan sebagainya (Zakaria dan Idris, 1994).

Model latihan mengajar secara umumnya merangkumi penempatan guru-guru pelatih di sekolah-sekolah atau pensyarah-pensyarah pelatih di institusi-institusi pengajian tertentu pada waktu pertengahan kursus ataupun pada akhir kursus perguruan. Penyeliaan akan dilakukan sama ada oleh seorang atau sekumpulan penyelia terhadap seseorang pelatih sewaktu latihan sedang berlangsung. Bimbingan serta panduan diberikan sebelum dan selepas tamat sesuatu pengajaran. Format ini menjadi amalan setiap institusi perguruan sama ada universiti atau maktab perguruan di Malaysia mahupun di luar negara. Kesejagatan model ini hanya ketara dari segi teorinya, tetapi pelaksanaannya menampakkan ciri perbezaan. Menurut Zakaria dan Idris, pelaksanaan latihan mengajar dan penyeliaan di Britain lebih bercorak tidak formal dari segi bimbingan, tetapi di Malaysia ianya lebih bercorak satu peperiksaan untuk gred.

Tajul Arifin (1994) menyatakan dalam kajiannya bahawa konsep latihan mengajar masih difahami mengikut dan pengertian dan amalan yang lama. Ini bermaksud latihan mengajar dianggap sebagai latihan praktik yang akan diberi nilai atau markah untuk menentukan sama ada guru pelatih atau pensyarah pelatih itu akan lulus atau gagal.

2.3 Teori Perkembangan Kognitif (Kognisi)

Teori kecerdasan yang berorientasikan perkembangan kognitif mengaitkan konsep pintar cerdas dengan kognisi dan perkembangan. Pakar psikologi yang menganjurkan teori ini termasuklah Jean Piaget, Charles Smock dan von Glasersfeld

(Nik Azis, 1999). Menurut mereka, istilah kognisi merujuk proses membina atau fakulti mental yang digunakan oleh manusia untuk memperoleh dan memanipulasi pengetahuan. Oleh kerana kognisi membabitkan proses berfikir atau aktiviti mental, maka ianya tidak boleh dilihat secara langsung. Kognisi bukan sahaja membabitkan proses penyelesaian masalah yang bersifat sedar dan dilaksanakan dengan usaha yang bersungguh-sungguh, tetapi membabitkan juga proses pelaksanaan tugas rutin yang bersifat tidak sedar dan dilakukan secara automatik. Secara ringkasnya, kognisi menggambarkan pengetahuan yang dipunyai oleh seseorang individu dan perlakuan oleh individu tersebut terhadap pengetahuan itu.

Istilah perkembangan pula merujuk perubahan struktur dalam tempoh masa yang tertentu (Nik Azis, 1999). Dalam konteks perkembangan intelek, struktur merujuk struktur kognitif, iaitu pengetahuan mental, fakulti rasional atau kebolehan hipotesisan yang mendasari kecerdasan dan tingkah laku intelektual. Jean Piaget merupakan pelopor teori perkembangan kognitif dan fahaman binaan. Beliau berpendapat bahawa struktur psikologi bagi pemikiran atau ringkasnya, struktur kognitif membolehkan manusia berfikir dan mengetahui. Perkembangan kognitif pula merupakan hasil perubahan dalam struktur kognitif dan perkembangan intelek hanya berlaku apabila struktur kognitif mengalami perubahan tertentu.

Teori Kognitif Bloom pula menyenaraikan enam aspek kognitif. Aspek-aspek kognitif tersebut meliputi enam peringkat, iaitu pengetahuan, kefahaman, penggunaan, analisis, sintesis dan penilaian. Peringkat pengetahuan berkaitan kebolehan mengingat fakta-fakta, konsep-konsep, prinsip-prinsip atau kandungan pengetahuan. Peringkat kefahaman pula berkaitan kebolehan menyatakan atau menerapkan idea-idea, konsep-konsep dan prinsip-prinsip dengan perkataan sendiri serta kebolehan mengenalpasti pertalian di antara data-data, membuat perbandingan, menelaah implikasi, mengkritik dan membuat generalisasi. Peringkat yang seterusnya iaitu peringkat penggunaan, berkait rapat dengan kebolehan menggunakan prinsip-prinsip, konsep-konsep, hukum-hukum yang dipelajari untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mereka belum pernah alami. Peringkat yang ke empat iaitu analisis berkaitan dengan kebolehan mencerakin maklumat-maklumat kepada

bahagian-bahagian kecil, mengesan pertalian-pertalian di antara bahagian-bahagian maklumat dan menyusun maklumat. Dengan kata lain, kebolehan berfikir secara deduktif. Peringkat sintesis pula ialah kebolehan menyusun dan menggabungkan maklumat-maklumat bagi membuat generalisasi atau kesimpulan dengan cara tersendiri dan kreatif. Dengan kata lain, kebolehan berfikir secara induktif. Peringkat yang terakhir pula iaitu penilaian berkaitan dengan kebolehan membuat keputusan dengan menggunakan sesuatu kriteria atau hukum. Setiap peringkat dalam aspek kognitif ini boleh dijelaskan secara ringkas seperti dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Aspek Kognitif (Sufean, 1995)

1. Pengetahuan	Kebolehan mengingat fakta-fakta, konsep-konsep, prinsip-prinsip atau kandungan pengetahuan
2. Kefahaman terjemahan	Kebolehan menyatakan atau menerapkan idea-idea, konsep-konsep dan prinsip-prinsip dengan perkataan sendiri.
Kefahaman interpretasi	Kebolehan mengenalpasti pertalian di antara data-data, membuat perbandingan, menelaah implikasi, mengkritik dan membuat generalisasi
3. Penggunaan	Kebolehan menggunakan prinsip-prinsip, konsep-konsep, hukum-hukum yang dipelajari untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mereka belum pernah alami.
4. Analisis	Kebolehan mencerakin maklumat-maklumat kepada bahagian-bahagian kecil, mengesan pertalian-pertalian di antara bahagian-bahagian maklumat dan menyusun maklumat. Dengan kata lain, kebolehan berfikir secara deduktif
5. Sintesis	Kebolehan menyusun dan menggabungkan maklumat-maklumat bagi membuat generalisasi atau kesimpulan dengan cara tersendiri dan kreatif. Dengan kata lain, kebolehan berfikir secara induktif
6. Penilaian	Kebolehan membuat keputusan dengan menggunakan sesuatu kriteria atau hukum

2.3.2 Proses Kognitif dan Metakognitif

Menurut Resnick dalam Phillips (1997), kognitif merupakan semua proses mental yang terlibat dalam perolehan, penghasilan pengetahuan, penggunaan pengetahuan dan pengawalan proses mental. Maklumat yang diterima dipadan, dibanding dan diklasifikasikan dengan maklumat yang tersimpan dalam ingatan jangka pendek dan jangka panjang. Maklumat baru yang lebih bermakna dan relevan kemungkinan diintegrasikan dengan maklumat sedia ada pada tahap yang tinggi.

Metakognitif pula bermaksud fungsi utama yang menguruskan dan mengawal cara seseorang menggunakan mindanya dan merupakan peringkat pemikiran yang paling tinggi dan paling canggih. Dengan kata lain, pengetahuan seseorang tentang proses kognitifnya (berfikir) bermaksud seseorang itu tahu bagaimana berfikir (Mohd. Azhar, 2001). Metakognitif menjalankan dua operasi mental iaitu

- i) keupayaan mengawasi tata kerja yang dilakukan
- ii) keupayaan memilih dan memahami strategi berfikir.


Selain itu, metakognitif menjalankan operasi berikut:

- i) mengenalpasti jenis pemikiran yang sedang dan akan dilakukan
- ii) menganalisis bagaimana pemikiran dilakukan
- iii) mengenalpasti komponen-komponen kemahiran berfikir yang kecil
- iv) menilai cara pemikiran yang dijalankan dan sama ada terdapat strategi pemikiran yang baru

Proses kognitif dan metakognitif bersifat fizikal dan non fizikal. Kedua-dua operasi ini berlaku secara bersepadu dan timbal balik. Hal ini dapat digambarkan seperti di dalam Rajah 2.1. Kemahiran mikro dan makro yang terkandung di dalam kognitif iaitu pemprosesan maklumat, mengingat maklumat, menaakul, mengaplikasi



maklumat, merekod maklumat serta pemikiran kritis dan kreatif, berfungsi untuk membuat keputusan dan penyelesaian masalah.



Rajah 2.1 : Operasi Pemikiran Fungsional (Mohd. Azhar, 2001)

2.4 Membuat keputusan

Membuat keputusan ialah satu proses mental yang melibatkan seseorang itu bertindak untuk memilih satu pilihan terbaik daripada beberapa pilihan yang ada berdasarkan tujuan dan kriteria-kriteria tertentu (BPG, 1995).

Kajian-kajian oleh pakar psikologi mengesahkan bahawa apabila manusia membuat keputusan, manusia lazimnya menggunakan pedoman-pedoman am sahaja. Pedoman-pedoman itu datang dari pengalaman peribadi. Dalam erti kata yang lain, kita tidak menggunakan pemikiran logik apabila membuat sesuatu keputusan (Abdullah dan Ainon, 2001). Salah satu kelebihan menggunakan pedoman-pedoman am sebagai panduan apabila membuat keputusan ialah kita boleh membuat keputusan dengan cepat. Sebagai contoh, apabila seseorang individu ingin membeli durian, individu tersebut memilih durian dengan menggunakan pedoman-pedoman am sahaja. Sekiranya tidak, individu tersebut perlu memeriksa setiap biji durian yang ada sebelum memilih durian yang hendak dibeli.

Dua pengkaji paling penting dalam penyelidikan bagaimana manusia membuat pilihan dan keputusan ialah Tversky dan Kahneman (Abdullah dan Ainon, 2001). Mereka mendapati manusia menggunakan beberapa jenis pedoman am sebelum membuat keputusan. Kajian-kajian mereka mengesahkan manusia tidak menggunakan pemikiran logikal dalam kehidupan sehari-hari. Biasanya pedoman-pedoman am yang digunakan dapat membantu membuat keputusan dengan tepat. Walaupun begitu, sekali-sekala dengan menggunakan pedoman-pedoman itu juga kita membuat keputusan-keputusan yang salah. Ini disebabkan, apabila kita menggunakan pedoman-pedoman am, kita sebenarnya mengagak, meneka dan meramal apa yang betul, apa yang tidak. Jadi keputusan yang dibuat sebenarnya adalah berdasarkan agakan, tekaan dan ramalan. Biasanya kita dapat meneka dengan tepat, tetapi kadangkala tekaan itu salah, oleh keputusan kita juga salah. Walaupun begitu, pedoman-pedoman am sangat penting dalam kehidupan sehari-hari. Ia membolehkan kita membuat pelbagai keputusan dengan cekap dan cepat (Abdullah dan Ainon, 2001). Untuk membuat keputusan yang baik, proses membuat keputusan perlu diteliti dan langkah-langkah membuat keputusan boleh dijadikan panduan.



PTAKAM
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PENGAJIAN AMALAN MORAL
AMINAH

2.4.1 Proses membuat keputusan

Proses pemikiran yang dianggap hampir sama dengan penyelesaian masalah ialah membuat keputusan. Walau bagaimanapun, sesetengah ahli pendidikan dan ahli psikologi berpendapat lebih baik membuat keputusan berlainan kerana ia melibatkan pemilihan daripada beberapa alternatif. Juga tidak ada satu alternatif yang benar-benar betul, dan memerlukan penilaian semua alternatif serentak. Membuat keputusan ialah suatu aktiviti lazimnya tidak disukai manusia. Sekiranya boleh, seseorang itu akan mengelak membuat keputusan. Walau bagaimanapun dalam kehidupan seharian, individu tidak boleh mengelak daripada membuat keputusan sama ada yang mudah hingga yang lebih kompleks (Phillips, 1997).

Langkah-langkah membuat keputusan boleh digambarkan sebagai mengikut urutan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2. Keputusan perlu dibuat apabila terdapat dua atau lebih alternatif yang ternyata atau tidak ternyata dan alternatif yang terbaik hendak dipilih berasaskan kepada kriteria yang ditetapkan. Walau bagaimanapun ditegaskan bahawa sesetengah keputusan yang dibuat tidak mengikut semua langkah-langkah tersebut secara sistematik (Phillips, 1997).

Langkah 1: Keputusan yang hendak dibuat

Pertama ialah penentuan keputusan yang hendak dibuat. Pendek kata, individu berkenaan mengenalpasti matlamatnya dan bagaimana nilai-nilainya akan mempengaruhi tindakan seterusnya.

Langkah 2: Alternatif-alternatif

Kemudian, seberapa banyak alternatif yang mungkin dikemukakan supaya pilihan boleh dibuat. Kadangkala, mewujudkan alternatif adalah sukar; oleh itu teknik sumbangan digunakan untuk menghasilkan pelbagai alternatif. Juga pada peringkat ini pemikiran kreatif diperlukan untuk mengeluarkan idea-idea yang baru atau luar biasa. Seberapa yang boleh penilaian sesuatu alternatif itu harus ditangguhkan sehingga semua alternatif dikemukakan.

Langkah 3: Kebaikan dan keburukan tiap-tiap alternatif


Memeriksa setiap alternatif yang diutarakan, daripada kebaikan dan keburukannya. Pada peringkat ini, pemikiran kritis diperlukan untuk membolehkan penilaian setiap alternatif berdasarkan kriteria tertentu yang selaras dengan nilai individu berkenaan.

Langkah 4: Pemilihan alternatif

Satu alternatif dipilih dan dilaksanakan. Alternatif yang dipilih dianggap oleh individu sebagai mempunyai kemungkinan kejayaan yang paling tinggi.

Langkah 5: Penilaian alternatif

Sesuatu keputusan yang dibuat penilaian tentang sejauh mana alternatif yang dipilih mencapai matlamat. Selain daripada menaksir hasil keputusan, individu juga refleksi tentang langkah-langkah proses membuat keputusan.



Rajah 2.2: Langkah-langkah membuat keputusan (Cassidy dan Kurfman, 1977)

BIBLIOGRAFI

Abd Rahim Abd Rashid. (1999). "Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum". Shah Alam: Fajar Bakti.

Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2001). "Kursus Berfikir Untuk Kolej dan Universiti". Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Abu Hassan Adam (1992). "Menghala Wawasan 2020". (edisi kedua). Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.

APEID. (1987). "Teacher Educational Issues, Needs and Plans for Actions". UNESCO: Bangkok.

Arby Ahmad (1990). "Sumber manusia digital" Backbench. 14(1):48-54

BPG. (1995). "Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif: Model Pengajaran dan Pembelajaran". Kuala Lumpur: Unit Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru.

Cassidy, W. & Kurfman, D. (1977). "Decision making as purpose and process". Developing decision making skills. Virginia: NCSS.

Chong Fung Yen. (2001). "Ke Arah Memahami Budaya Pembelajaran Pelajar-pelajar Cina yang Mengikuti Kursus Kejuruteraan di KUiTTHO". KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.

Edward. (1993). "What is wrong with the practicum". Some reflections: South Pacific Journal of Teacher Education. 2(1). 33-43.

Fisher, R. (1992). "Teaching Children Thinking". New York: W.H. Freeman.

Hassan Adnan. (1997). "Kebimbangan guru-guru pelatih Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru sebelum latihan mengajar." Universiti Teknologi Malaysia.

Hussein Mahmood. (1992). "Guru baru: Pengurusan Berkesan" Kertas kerja Seminar Nasional Ke-2 Pengurusan Pendidikan: Ke arah pengurusan pendidikan berkualiti abad 21. Institut Aminuddin Baki. 26-28 November.

Ibrahim Mamat. (1997). "Memimpin Remaja Sekolah". Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Izlin Zuriani Ishak. (2002). "Kualiti Pensyarah Politeknik Lepas KUiTTHO". KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.

Kamus Dewan, (2000). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). "Pukal Latihan KBSM." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MacDonalds, C.J. (1993). "The Multiplicity of Factors Creating Stress During The Teaching Practicum: The Student Teachers Perspective". Education 113(1). 45-58.

MacIntyre, C. & Tuson, J. (1995). "Student Teachers' Perspective of Stressful Situations in Schools: A study of the experience of final year primary undergraduate students on placement in 1993 and 1994". Moray House Institute of Education, Edinburgh: Professional Development Centre.



Mc Whorter, K.T. (1996). "Study and Critical Thinking Skills in College". 4th Ed.
US: Addison Wesley Longman Inc.

Mohd Majid Konting. (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir. (2001). "Pengenalan kepada Analisis Data
Berkomputer SPSS 10.0 for Windows". Kuala Lumpur: Venton Publishing.

Mohd. Azhar Abd. Hamid.(2001). "Pengenalan Pemikiran Lritis dan Kreatif". Johor
Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Najib Abdul Ghaffar. (1999). "Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah".
Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

Mokhtar Ismail. (1987). "Faktor-faktor yang mempengaruhi rasa bimbang guru
pelatih USM". Pulau Pinang: Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Sains
Malaysia.

Newell, A. & Simon, H. (1972). "Human Problem Solving". Englewood Cliffs, N. J:
Prentice Hall.

Nik Azis Nik Pa. (1999). "Potensi Intelek". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka.

Noraini Kaprawi. (1996). "Hubungan Program-program Kualiti Kehidupan Bekerja
Dengan Kepuasan Kerja dan Penglibatan Kerja Bagi Pekerja-pekerja Cabot:
Kajian Tinjauan Di Cabot (Malaysia) Sdn. Bhd. Port Dickson, Negeri
Sembilan". Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

Omardin Ashaari. (1999). "Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif". Kuala
Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Phillips, J.A.. (1997). "Pengajaran Kemahiran Berfikir: Teori dan Amalan". Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Robiah Sidin. (1998). "Pemikiran Kebangsaan". Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Rohaty Mohd. Majzub. (1994). "Penilaian Kendiri Kreativiti Guru-guru Pelatih Diploma Pendidikan". Prosiding Seminar JKLKAU ke 9 dengan Tema Pendidikan Guru: Cabaran, Falsafah dan Strategi dalam Pembentukan Guru yang Unggul. (15-16 Jan 1994)
- Ryan & Kuhs. (1993). "Assesment of Preservice Teachers and The Use of Portfolios: Theory into Practice". 32(2).
- Sharifah Alawiyah Alsagoff (1992). "Psikologi Pendidikan II." Petaling Jaya: Longman.
- Smyth, J. (1987). "Educating teacher changing the nature pedagogical knowledge. London: Falmer Press.
- Sufean Hussin (1995). "Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum". Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sumsion, J. & Thomas, D. (1995). "Stress Management for Student Teachers in the Practicum" Paper Presented At the Annual Conference of the Australian Association for Research in Education. Hobart, Tazmania.
- Tajul Arifin Noordin.(1994). "Latihan Mengajar: Satu Pemikiran Semula dari segi Konsep dan Pelaksanaan". Prosiding Seminar JKLKAU ke 9 dengan Tema Pendidikan Guru: Cabaran, Falsafah dan Strategi dalam Pembentukan Guru yang Unggul. (15-16 Jan 1994)
- Tang Chee Yee (1988). "Panduan Latihan Mengajar". Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.



Tengku Zawawi Tengku Zainal. (2000). "Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif." <http://members.tripod.com/~MUJAHID/kbkk.html>.

Tyler Ralph W. (1991). "Basic Principle of Curriculum and Instructions [Prinsip Asas Kurikulum dan Pengajaran]. (Kamarudin Hussein dan Hazil Abdul Hamid, Terjemahan). Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Veenmans, S. (1984). "Perceived problems of beginning teacher" Review of Education Research, 54:143-178.

Wiersma. (1995). "Research Methods In Education : An Introduction". Unted State of America: Allyn Bacon.

Winstanley, R. (1992). "Beginning teaching: the ideal and the reality. A study of primary teachers in the first four years of teaching". CNAA, Cheltenham and Gloucester Colcege: USA.

Zainun Ishak. (1994). "Pemikiran dan cara membuat keputusan di kalangan Guru Pelatih". Prosiding Seminar JKLKAU ke 9 dengan Tema Pendidikan Guru: Cabaran, Falsafah dan Strategi dalam Pembentukan Guru yang Unggul. (15-16 Jan 1994)

Zakaria dan Idris. (1994). "Latihan Mengajar:Permasalahan dan Cabaran di USM". Prosiding Seminar JKLKAU ke 9 dengan Tema Pendidikan Guru: Cabaran, Falsafah dan Strategi dalam Pembentukan Guru yang Unggul. (15-16 Jan 1994)

Zulkifli bin Abd Manaf (1994). Pendidikan Guru : Cabaran dan Falsafah. "Kritikan Tentang Amalan Latihan Mengajar Dalam Pendidikan Guru". Prosiding Seminar JKLKAU ke 9 dengan Tema Pendidikan Guru: Cabaran, Falsafah dan Strategi dalam Pembentukan Guru yang Unggul. (15-16 Jan 1994)



PTAA UTHM
 PERPUSATAKAN FUNKSIONAL AMINAH